

11/09/1999

Dasar lindungi Bumiputera dikaji

hari Ariff

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kerajaan tidak menolak kemungkinan merangka satu dasar bagi melindungi usahawan Bumiputera daripada menerima tekanan globalisasi.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed, berkata kerajaan bersedia menimbang saranan yang dikemukakan ahli perniagaan Bumiputera bagi memastikan mereka lebih berdaya saing.

"Menerusi beberapa perbincangan sebelum ini termasuk dalam pelbagai seminar dan bengkel, saya yakin perkara ini akan dipertimbangkan.

"Ini kerana ada kebimbangan di kalangan usahawan Bumiputera yang berasa kurang yakin untuk berhadapan dengan persaingan.

"Bagaimanapun sama ada ia akan dijadikan peraturan kongres, kita perlu tunggu keputusannya," katanya selepas perasmian Kongres Ekonomi Bumiputera ke-4 (KEB-4) bertemakan "Cabaran Milenium Baru" di sini, hari ini.

Kongres itu yang dianjurkan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mustapa juga memberi jaminan kerajaan sentiasa memandang berat masalah yang dihadapi ahli perniagaan Bumiputera dalam tempoh kegawatan yang lalu.

Sehubungan itu, Kemementerian Pembangunan Usahawan akan mengadakan kajian menyeluruh dalam mengenal pasti kelemahan yang dihadapi usahawan Bumiputera.

Kementerian itu dengan kerjasama DPMM sudah mengadakan beberapa kajian mengenai kesan ekonomi terhadap ahli perniagaan Bumiputera.

"Kajian ini dijalankan dengan kerjasama Universiti Malaya hampir setahun lalu. Melalui kajian terperinci, baru kerajaan boleh mengambil langkah yang sesuai," katanya.

Bagaimanapun, beliau meminta usahawan Bumiputera yang menghadapi masalah, perlu terlebih dulu mengenal pasti kelemahan mereka bagi memastikan benar-benar berdaya maju terutama dalam menuju persaingan dan cabaran alaf baru.

Dalam pada itu, kementerian dan DPMM akan mengambil langkah susulan bagi mengenal pasti kelemahan dan punca kurangnya pembabitan Bumiputera dalam industri peruncitan.

"Pembabitan Bumiputera dalam sektor ini terutama di bandar besar cukup lemah. Berikutan itu, kerajaan akan memastikan punca kelemahan Bumiputera dalam sektor peruncitan terutama di bandar besar, dalam jumlah yang kecil.

"Kita akan mengkaji mengapa bidang ini kurang diceburi oleh usahawan Bumiputera dan langkah susulan akan diambil bagi membantu mempertingkatkan penyertaan mereka dalam sektor berkenaan," katanya.

Sementara itu, Presiden DPMM, Tan Sri Tajudin Ramli, berkata pelbagai langkah yang dijalankan kerajaan sebelum ini, bertujuan membantu meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam sektor ekonomi membuah hasil yang baik.

"Apa yang penting sekarang ialah kita perlu mempertingkatkan usaha dan pandang lebih jauh ke hadapan," katanya.

Beliau berkata, KEB sebelum ini sudah mencapai banyak kejayaan yang mana kerajaan begitu komited untuk menseimbangkan kedudukan ekonomi pelbagai kaum di negara ini.

(END)